

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meletakkan negara ke landasan yang betul setelah mengambil alih pentadbiran Kerajaan dari Kerajaan PH dan seterusnya berjaya menunjukkan kerja yang baik hasil pengalaman pahit manis yang dilaluinya selama ini.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih pentadbiran negara sewaktu dunia dan negara sedang dilanda wabak Covid-19. Kerajaan berdepan dengan situasi yang luar biasa yang tidak pernah berlaku sebelum ini (*unprecedented situation*). Kerajaan berhadapan dengan kemelut kesihatan dan ekonomi akibat pandemik Covid-19 yang turut memberi kesan kepada kelangsungan hidup rakyat. Justeru, Kerajaan Perikatan Nasional bertekad untuk memutuskan rantai Covid-19 dan memulihkan ekonomi negara.

Antara pelaksanaan utama dilaksanakan kerajaan dalam menangani COVID-19 ialah dengan mengambil langkah yang sukar, tetapi perlu iaitu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha memutuskan rantai penularan COVID-19. Kerajaan juga memberi peruntukan tambahan kepada sektor kesihatan khususnya bantuan kepada petugas barisan hadapan bagi mengekang penularan pandemik ini.

Seterusnya, Kerajaan dengan pantas mengambil langkah proaktif melaksanakan dasar dan pelan jangka masa pendek, jangka sederhana dan jangka masa panjang bagi merangsang semula pertumbuhan ekonomi. Kerajaan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan KITA PRIHATIN melibatkan keseluruhan RM322.5 billion bagi membantu setiap lapisan rakyat termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Mikro supaya kedudukan sektor ekonomi kekal aktif. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan ini menggambarkan tindak balas kerajaan yang responsif dalam menangani isu disampaikan oleh rakyat dan komuniti perniagaan Malaysia.

NO. SOALAN : 34

Selain bantuan langsung kepada sektor ekonomi, Kerajaan turut prihatin terhadap kebajikan rakyat dari aspek perundangan. Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 yang telah diluluskan baru-baru ini bertujuan memberi pelepasan sementara kepada obligasi kontrak yang tidak dapat dilaksanakan akibat langkah-langkah Kerajaan untuk menangani penularan wabak COVID-19. RUU ini telah menyaksikan pindaan terhadap 14 akta serta dua ordinan melibatkan banyak pihak seperti penyewa, tuan rumah, penjual, pembiaya, peminjam dan sebagainya.

Mengambil iktibar atas kejadian yang berlaku termasuk pengalaman menghadapi cabaran situasi semasa, Kerajaan bertekad untuk terus meletakkan Malaysia di landasan yang betul dengan Perlembagaan Persekutuan menjadi tunjang dan asas kepada pentadbiran negara. Usaha-usaha ini akan terus dilaksanakan serta dipantau keberkesanan pelaksanaannya baik melalui pelan jangka masa panjang, jangka masa sederhana dan jangka masa pendek misalnya seperti Belanjawan 2021, rancangan lima tahun pembangunan negara iaitu Rancangan Malaysia ke-12 (2021 hingga 2025) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Beberapa dasar nasional penting negara juga akan sentiasa disemak dan diperhalusi dari semasa ke semasa supaya ianya bertepatan dengan keperluan dan kehendak semasa seperti Dasar Industri Nasional 4.0 (Industri4IR), Pelan Induk Ekonomi Digital dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.